

## **MOBILISASI ZAKAT DALAM PEWUJUDAN USAHAWAN ASNAF: SATU TINJAUAN**

**Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi\***  
**Adibah Hasanah Abd Halim\*\***

### **ABSTRACT**

*Numerous efforts have been carried out to assist recipients of zakat or asnaf to break away from the vicious cycle of poverty. Several state religious authorities in Malaysia have taken the initiative to set up zakat administration bodies which are entrusted with the management of zakat collection in their respective states. Over the years, the function of zakat administration bodies have evolved from zakat collection to all aspects of zakat administration, including zakat distribution, asnaf development and poverty eradication activities. This article aims to review the concepts of zakat, asnaf and entrepreneurial development. It will also attempt to integrate these concepts with asnaf entrepreneurial creation and its development in Malaysia.*

**Keywords:** *zakat, entrepreneur, asnaf, nisab, hawl*

### **PENDAHULUAN**

Dunia usahawan merupakan suatu medan yang amat mencabar dan mempunyai persaingan yang begitu sengit. Individu yang ingin memasuki dunia ini perlu mempunyai persediaan yang lengkap sama ada dari segi fizikal, mental dan juga

---

\* Lecturer at Department of Shariah and Management, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, fatoni@um.edu.my.

\*\* Research Assistant at Department of Shariah and Management, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, hasanah@ptsb.edu.my.

material. Sebagai contoh ialah persediaan dari sudut pengetahuan, kemahiran dan juga modal perniagaan. Malangnya, perkara ini dilihat mustahil bagi golongan asnaf terutamanya fakir dan miskin sekiranya mereka tidak dibantu.

Oleh itu dalam usaha melahirkan usahawan, Islam telah menggariskan beberapa peraturan kewangan dalam mewujudkan dana untuk manfaat umat Islam. Terdapat banyak instrumen kewangan Islam yang sedang diperbahaskan dan mampu memberikan sumbangan yang besar untuk manfaat bersama.<sup>1</sup> Contohnya, institusi zakat yang telah diberikan amanah dalam menangani masalah kesempitan hidup bagi golongan yang tidak berkemampuan di negara ini termasuk membentuk golongan asnaf menjadi usahawan yang berjaya.

## KONSEP ASNAF ZAKAT

Konsep asnaf zakat ditinjau dari segi definisi, kategori dan kadar bagi asnaf-asnaf tersebut.

### Definisi Zakat

Perkataan zakat merupakan kata dasar (*maṣḍar*) daripada *zakā* yang bererti berkah, tumbuh, bersih dan baik. Menurut Ibn Manẓūr<sup>2</sup> dalam *Lisān al-‘Arab*, kata nama zakat sekiranya ditinjau dari sudut bahasa bermakna tumbuh, berkat dan terpuji yang mana semua perkataan ini digunakan dalam al-Quran dan al-Hadīth.

Menurut Wahidī<sup>3</sup> dan lain-lain, kata dasar *zakā* bererti bertambah dan tumbuh sehingga boleh dikatakan tanaman itu *zakā*, iaitu tumbuh. Apabila sesuatu tanaman tumbuh tanpa cacat, maka kata *zakā* di sini bererti bersih manakala apabila seseorang itu diberi sifat *zakā* bererti baik, maka orang itu lebih banyak sifat baik.

---

<sup>1</sup> Hisham b. Sabri & Zulkifli b. Hasan (2006), "Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan", dlm. Zamzuri Zakaria et.al., (ed.), Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam, 8-9 Ogos 2006. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM. h. 220.

<sup>2</sup> Ibn Manẓūr (1956), *Lisān al-‘Arab*, j.60, Beirut: Dār Ṣādir, h. 357. Lihat juga Yūsuf al-Qaraḍāwī (1977), *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah Li Ahkāmihā wa Falsafatihā Fi Daw’ al-Qur’an wa al-Sunnah*, j.1, cet. 3, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 37.

<sup>3</sup> *Ibid.*

Zakat menurut istilah pula ialah hak yang wajib dikeluarkan daripada harta. Berikut ialah definisi yang dikemukakan oleh para *fuqahā'*:

Dalam mazhab Syāfi'i<sup>4</sup>, zakat didefinisikan sebagai kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta, yang wajib dikeluarkan kepada golongan manusia tertentu apabila cukup syarat tertentu.

Para *fuqahā'* mazhab Mālikī<sup>5</sup> mendefinisikan zakat sebagai mengeluarkan sebahagian yang khusus daripada harta yang khusus yang telah mencapai had kuantiti yang mewajibkan zakat kepada orang yang berhak menerimanya (*mustahiq*) dengan syarat pemilikan itu penuh dan mencapai *ḥawl* (setahun), bukan bertambah barang dan bukan pertanian.

Para *fuqahā'* mazhab Ḥanafī<sup>6</sup> pula mendefinisikan zakat sebagai menjadikan sebahagian harta yang khusus daripada harta yang khusus sebagai milik orang yang khusus, yang ditentukan oleh syarak kerana Allah SWT.

Ḥanābilah pula mendefinisikan zakat sebagai hak wajib yang ada pada harta tertentu pada waktu yang tertentu pula<sup>7</sup> atau hak yang wajib dikeluarkan daripada harta yang khusus untuk kelompok yang khusus juga. Maksud kelompok yang khusus ialah lapan kelompok yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran.

Setelah meneliti kesemua definisi zakat yang telah dikemukakan, definisi zakat boleh dirangkumkan sebagai penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah bagi mencari kerediaan Allah SWT, penyucian diri dan harta kekayaan untuk membangunkan masyarakat berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak.

### **Definisi Asnaf Zakat**

Asnaf ialah jenis atau golongan yang berhak menerima zakat iaitu golongan yang ditentukan oleh Allah yang layak menerima zakat dan sedekah. Zakat tidak boleh dibahagikan oleh pihak berkuasa mengikut pertimbangan sendiri

---

<sup>4</sup> Mustafa Said al-Khinn (1996), *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhhab al-Imām al-Shafi'i*, Damsyik: Dār al-'Ulum al-Insāniyah, h. 271.

<sup>5</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1977), *op.cit.*, hh. 37-38.

<sup>6</sup> *Ibid.* Lihat juga Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, j.2, cet.3, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 730.

<sup>7</sup> 'Abd Rahman al-Jazīrī (t.t.), *Kitāb al-Fiqh 'Alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, j. 1, Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubra, h. 590.

melainkan golongan yang telah ditentukan Allah di dalam al-Quran.<sup>8</sup> Golongan tersebut ialah, firman Allah SWT:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ  
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnyanya) dari Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

(Surah al-Tawbah, 9 : 60)

Maka dengan turunnya ayat tersebut, sasaran zakat menjadi jelas dan masing-masing mengetahui haknya.

### **Kategori Asnaf Menurut Perspektif Syariah**

Dalam ayat di atas, Allah telah menetapkan bahawa terdapat lapan golongan orang yang layak menerima zakat sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran, iaitu:-

#### **1. Fakir**

Fakir bererti orang yang tidak mempunyai harta dan tidak ada mata pencarian. Walaupun mereka mempunyai mata pencarian tetapi tidak dapat memenuhi separuh daripada keperluan asas maka mereka berhak menerima sebahagian daripada zakat harta atau zakat fitrah.<sup>9</sup> Allah menggambarkan di dalam al-Quran:

<sup>8</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (1977), *op.cit*, h. 686.

<sup>9</sup> ‘Abdullah (2001), *Panduan Menyempurnakan Zakat*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h.101.

لِيَشْهَدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ  
مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ ۖ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾

*Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); Dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.*

(Surah al-Hajj, 22 : 28)

## 2. Miskin

Miskin bererti orang yang mempunyai harta atau mata pencarian tetapi hanya mampu menampung keperluan semasa sahaja dan ia masih tidak dapat memenuhi keinginannya sendiri atau ahli keluarganya. Golongan ini tidak wajib menunaikan ibadah yang berkaitan dengan harta seperti zakat dan haji, bahkan mereka berhak menerima sebahagian dari zakat dan fitrah.<sup>10</sup> Golongan ini disebut dalam al-Quran:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ ۗ قُلْ مَا أُنْفِقْتُمْ مِّنْ خَيْرٍ فَلِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ وَالْيَتَامَىٰ  
وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۗ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَالِمٌ ﴿٢١٥﴾

*Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).*

(Surah al-Baqarah, 2 : 215)

## 3. Amil

Amil zakat di sini bermaksud setiap golongan yang terlibat dengan pengurusan zakat, sama ada sebagai pegawai pengurusan atau kakitangan sokongan pada

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. 102.

setiap peringkatnya. Mereka ini berhak memperoleh peruntukan tertentu daripada hasil pungutan zakat sebagai gaji dan sara hidup mereka atau dalam bentuk lain yang munasabah.<sup>11</sup>

#### 4. Mualaf

Mualaf ialah orang yang baru memeluk Islam, iaitu orang yang dijinakkan hatinya supaya tetap teguh menyintai Islam. Iman orang yang baru memeluk Islam adalah masih lemah. Golongan ini perlu diberi perhatian, diberi kasih sayang dan tunjuk ajar. Golongan ini mendapat keistimewaan di sisi Allah dengan ditetapkan sebahagian zakat dan sedekah. Ini adalah sebagai penghargaan dan hadiah kerana mereka memilih jalan yang baik dan sejahtera. Pemberian zakat atau sedekah boleh melunakkan dan menjinakkan hati mualaf.<sup>12</sup>

Bagi para ulama dalam mazhab-mazhab lain, mualaf bukan sahaja orang yang baru memeluk Islam tetapi juga golongan yang memerlukan simpati sama ada golongan itu beragama Islam atau orang kafir.<sup>13</sup>

#### 5. Hamba (*riqāb*)

Mengikut jumhur *fuqaha* 'cara menggunakan wang zakat untuk memerdekakan hamba ialah dengan membantu hamba *mukātab*<sup>14</sup> untuk mengumpulkan wang yang mencukupi bagi menebus dirinya berasaskan persetujuan berkenaan dengan pihak tuannya. Menurut Islam, usaha membebaskan hamba sangat digalakkan dan salah satu daripada caranya ialah dengan memberi peluang kepada mereka untuk menebus diri sendiri.<sup>15</sup> Antara nas yang menunjukkan gesaan berkenaan ialah firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَبْتِغُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا  
وَأَتَوْهُمْ مِنْ مَالِ اللَّهِ الَّذِي آتَيْنَاكُمْ

<sup>11</sup> Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 427.

<sup>12</sup> 'Abdullah (2001), *op.cit*, h. 104.

<sup>13</sup> Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *op.cit*, h. 434.

<sup>14</sup> Hamba *Mukātab*; menurut Ḥanafīyyah iaitu hamba yang dijanjikan merdeka oleh tuannya dengan membayar sejumlah wang. Bagi Mālikīyyah pula hamba yang dibeli dari harta zakat dan dimerdekakan. Lihat 'Abd al-Raḥman al-Jazīrī (t.t.), *op.cit.*, hh. 158&161.

<sup>15</sup> Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *op.cit*, h. 445.

*Dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian); dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu.*

(Surah al-Nūr, 24 : 33)

#### 6. Orang yang berhutang (*Ghārīmīn*)

*Ghārīmīn*<sup>16</sup> atau orang yang menanggung hutang ialah seorang yang kurang mampu yang berhutang untuk keperluan ketaatan kepada Allah atau untuk segala hal yang harus. Namun begitu, jika ia berhutang untuk perbuatan maksiat, maka tidak boleh diberi zakat kepadanya kecuali setelah bertaubat. Begitu juga apabila orang yang berhutang itu adalah orang kaya maka tidak boleh diberikan zakat kepadanya kecuali sekiranya hutang tersebut adalah bertujuan untuk mendamaikan pihak yang bermusuhan.<sup>17</sup>

#### 7. *Fī sabīli-llāh*

Terdapat perbezaan pendapat antara para ulama mengenai maksud *fī sabīli-llāh* sama ada ia membawa maksud khusus atau umum. Jika dilihat dari segi maksud khusus *fī sabīli-llāh* ialah jihad semata-mata manakala maksud umum pula ialah apa-apa sahaja kerja kebajikan untuk mencapai keredhaan Allah.

Menurut jumhur *fuqahā'*, maksud *fī sabīli-llāh* dalam ayat tersebut ialah perjuangan atau jihad di jalan Allah sahaja. Begitu juga pendapat kebanyakan ulama lain seperti al-Nawawī, Ibn Ḥajar, Mazhab Syaḥī'i, Ḥanbalī dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, *fuqahā'* dalam mazhab Ḥanafī berpendapat bahawa bahagian berkenaan juga boleh diberikan kepada mereka yang dalam perjalanan menunaikan haji, para pelajar yang menuntut ilmu dan kepada sesiapa sahaja yang melakukan kerja-kerja kebajikan. Selain itu, golongan lain pula berpendapat bahawa istilah tersebut perlu ditafsirkan dengan pengertian yang

---

<sup>16</sup> *Ghārim* menurut Ḥanafīyyah dan Mālikīyyah ialah orang yang mempunyai hutang dan tidak mempunyai nisab sempurna selain untuk membayar hutangnya atau tidak mempunyai apa-apa untuk melunasi hutangnya. Menurut mazhab Ḥanābilah dan Syaḥī'iyah pula terdapat dua golongan orang yang berhutang iaitu berhutang untuk kemaslahatan dirinya dan berhutang untuk kemaslahatan masyarakat. Lihat 'Abd al-Raḥmān al-Jazīrī (t.t), *op.cit.*, h. 158.

<sup>17</sup> Al-Ghazālī (1967), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, j.1, Kaherah: Muassasah al-Jalī, h. 293.

lebih luas lagi bertepatan dengan pendapat Imam Fakhr al-Rāzī, bahawa zakat boleh dibelanjakan untuk tujuan kebaikan seperti menyempurnakan jenazah, pembinaan masjid dan sebagainya.<sup>18</sup>

## 8. Musafir

Istilah orang musafir ini adalah terjemahan daripada istilah *ibn sabīl* dalam bahasa Arab. Berdasarkan ayat al-Quran, *ibn sabīl* telah disebut beberapa kali sebagai pihak yang perlu mendapat hak yang sewajarnya dalam masyarakat. Antaranya firman Allah:

وَأَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿١٧﴾

*Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah Engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau.*

(Surah al-Isrā', 17 : 26)

Penekanan terhadap orang musafir atau *ibn sabīl* ini berkaitan dengan ajaran Islam yang menggalakkan perjalanan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain bagi pelbagai tujuan seperti mereka yang ingin mencari rezeki, mencari ilmu, berjihad, menunaikan haji dan sebagainya.<sup>19</sup>

Oleh itu, sesiapa yang melakukan perjalanan untuk tujuan yang baik yang melebihi dua marhalah seperti keluar menuntut ilmu, menunaikan haji, dan sebagainya membolehkan mereka mendapat kemudahan dalam Islam seperti mendapat bahagian zakat.

## Kadar Yang Boleh Diberi Kepada Asnaf

Ahli-ahli fiqh berbeza pendapat mengenai kadar yang patut diberikan kepada fakir dan miskin. Menurut ulama' mazhab Syafi'i dan Hanbali<sup>20</sup>, kadar yang harus diberikan kepada golongan ini adalah kadar yang dapat menyelesaikan masalah keperluannya seperti untuk membeli alat-alat keperluan kerja atau untuk membeli barang-barang yang dijadikan modal perniagaan, walaupun modal yang diperlukan adalah dalam kadar jumlah yang banyak. Ini adalah kerana Allah telah menetapkan zakat untuk para asnaf dengan tujuan untuk

<sup>18</sup> Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *op.cit*, h. 451.

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 462.

<sup>20</sup> Wahbah al-Zuhaylī (2004), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, j.2, cet. 4, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 1959.



menyelesaikan keperluannya dan menyempurnakan masalah mereka. Oleh itu, kadar yang diberikan kepada fakir dan miskin tentulah kadar yang dapat menyempurnakan keperluannya iaitu kadar yang cukup untuk setahun. Di dalam hadīth Qabisah yang diriwayatkan oleh Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

فحلت له المسألة حتى يصيب قواما من عيش , أو سدادا من عيش.

*Halal baginya meminta sehingga dia berkemampuan atau mencukupi untuk hidupnya.*<sup>21</sup>

Abū Ḥanīfah<sup>22</sup> tidak suka memberi kepada seseorang sejumlah kadar nisab iaitu 200 dirham. Katanya sah memberi zakat dalam apa jua jumlah (kadar) manakala Imam Mālik<sup>23</sup> mengharuskan pemberian zakat kepada seseorang walaupun dalam kadar nisab. Beliau mengatakan kadar pemberian adalah terpulang kepada ijihad kerana maksud zakat ialah untuk memperkayakan orang fakir sehingga menjadi kaya tetapi ulama Mazhab Mālikī pula mengatakan ia tidak boleh diberikan kepada fakir lebih daripada kadar yang mencukupi untuk setahun.

Hujah Abū Ḥanīfah dan Mālik ialah ayat yang menyatakan tentang kewajipan zakat tidak menetapkan kadar yang patut diberi kepada setiap asnaf.

## KONSEP USAHAWAN

Istilah ‘usahawan’ diambil daripada perkataan Perancis ‘*entreprendre*’ yang membawa maksud memikul (tugas) atau mencuba.<sup>24</sup> Manakala dalam Bahasa Malaysia istilah usahawan sebenarnya berasal daripada ‘usaha’. Menurut Kamus Dewan, usaha ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan, perbuatan dan lain-lain hal untuk mencapai, melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu.<sup>25</sup>

---

<sup>21</sup> Muslim b. Hajjaj al-Naysabūrī (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Man Taḥillu Lahū al-Masalah, no. 2401.

<sup>22</sup> Wahbah al-Zuhaylī (2004), *op.cit.*, h. 1959.

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 1960.

<sup>24</sup> Ab. Aziz Yusof (2000), *Usahawan Dan Keusahawanan*. Petaling Jaya : Prentice Hall, h. 2.

<sup>25</sup> Noresah Baharum et.al. (ed), (2007), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1781.

Usahawan pula ialah orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan.<sup>26</sup> Oleh itu usahawan dapat dirumuskan sebagai individu yang kreatif dan inovatif yang dapat mengesan dan merebut peluang di samping berani menanggung risiko dalam aktiviti perniagaan dengan mengeluarkan produk baru.

Schumpeter menggambarkan usahawan sebagai seorang buruh yang unik, pencetus inovasi atau orang yang membawa perubahan atau pembaharuan dan juga seorang individu yang bertanggungjawab kepada pengeluaran, kreatif dan ‘*novelty*’ dalam operasi biasa aktiviti ekonomi.<sup>27</sup>

Menurut Zaharuddin Yahya, usahawan bererti insan yang berkebolehan untuk melihat, mengenal, merebut dan mewujudkan peluang-peluang untuk faedah ekonomi dan keuntungan. Bagi seorang usahawan muslim, keusahawanan itu merupakan suatu ibadah dengan melakukan muamalah dan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan yang abadi.<sup>28</sup>

Kuratko dan Hodgetts pula menyatakan “*entrepreneurs are individuals who recognize opportunities where other see chaos or confusion*”.<sup>29</sup> Manakala menurut Kealy Ho pula “*entrepreneur is one who can transform an idea into action. In doing so, he commits his time and money into something that he really believes in. Part of his involvement naturally means taking some risk, as in business there are no absolute certainties*”.<sup>30</sup>

Secara umumnya, seorang usahawan yang berjaya mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan unik dalam diri masing-masing. Oleh itu, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya perlulah melengkapkan diri dengan ciri-ciri seperti:

a) Bertanggungjawab

Sikap ini seharusnya dimiliki oleh setiap individu yang bergelar usahawan di samping sanggup menerima tanggungjawab.

b) Berkeyakinan tinggi

Setiap usahawan yang berjaya perlu yakin terhadap diri sendiri dan juga yakin dengan setiap tindakan yang diambil walaupun berisiko.

---

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 1782.

<sup>27</sup> Schumpeter, J. (1951), “Change and Entrepreneur”, dalam Richard V. Clemence (ed), *Essays of J.A. Schumpeter*. Reading, MA: Addison-Wesley, h. 255.

<sup>28</sup> Zaharuddin Yahya (1995), *Memilih Perniagaan*. Kota Bharu: Al-Kafilah Enterprise, h. 24.

<sup>29</sup> Kuratko & Hodgetts (2007), *Entrepreneurship*. USA : Thomson Higher Education, h. 4.

<sup>30</sup> Ho, Kealy (1985), *Starting Your Own Business*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, h. 2.

Oleh itu, usahawan yang berjaya adalah mereka yang tidak mudah berputus asa dan sentiasa gigih berusaha.

c) Berpengetahuan

Usahawan yang berjaya adalah mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas serta mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan.

d) Berorientasikan perancangan

Usahawan hendaklah fokus kepada masa depan, iaitu merancang masa depan yang baik dan dengan itu dia dapat merancang perniagaannya dengan lebih sistematik.<sup>31</sup>

e) Meminta nasihat daripada pakar-pakar

Dalam usaha untuk memajukan perniagaan, seseorang usahawan harus menyedari bahawa pentingnya mencapai tahap kelebihan persaingan. Oleh itu, usahawan haruslah kerap meminta nasihat dari pakar untuk mencapai tujuan tersebut.<sup>32</sup>

f) Ciri keagamaan

Bagi individu Muslim, ciri-ciri seperti berteraskan aqidah, tidak lalai dengan kewajipan, sabar, lapang dada, amanah, mengagungkan Allah dan agama penting bagi menjamin kejayaan perniagaan di dunia dan akhirat.<sup>33</sup>

## KONSEP USAHAWAN ASNAF

Secara umumnya, usahawan asnaf merupakan golongan asnaf dibentuk untuk menjadi seorang usahawan. Golongan ini akan diberi bantuan dan perhatian sepenuhnya oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan tersebut. Hal ini kerana, mereka tidak mampu untuk bergerak sendiri memandangkan kekurangan kewangan yang dialami.

Menurut Isma Addi Jumri,<sup>34</sup> usahawan asnaf boleh didefinisikan sebagai individu yang melalui suatu proses penciptaan usaha niaga, mampu memikul

---

<sup>31</sup> Zaharuddin Yahya (1995), *op.cit.*, h. 32.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Rohani Mohd Shahir (2005), "Budaya Kepimpinan di Kalangan Usahawan Wanita di Malaysia", Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Keusahawanan Islam, Kuala Lumpur pada 6 September 2005.

<sup>34</sup> Isma Addi Jumri (2007), "Usahawan Asnaf Basmi Miskin Tegar" dalam *Utusan Malaysia On-Line*, <http://www.utusan.com.my/utusan/info>, 22 Mei 2007.

tugas, tanggungjawab dan mencuba sebagai peniaga yang dirangsang dengan dorongan dan bantuan daripada institusi zakat di Malaysia. Definisi ini merujuk kepada individu golongan asnaf zakat terutamanya mereka tergolong dalam golongan fakir, miskin dan muafak yang miskin. Proses penciptaan usaha niaga merujuk kepada fasa atau peringkat tertentu yang perlu dilalui sebelum golongan ini menjadi usahawan dengan bantuan, dorongan dan bimbingan daripada institusi zakat di negeri masing-masing.<sup>35</sup>

Oleh itu, dalam memenuhi tuntutan dunia di samping mengembangkan ekonomi umat Islam, beberapa institusi zakat telah menunjukkan keprihatinan dalam menjana tenaga usahawan di kalangan asnaf. Antara institusi yang terlibat seperti Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dan beberapa institusi zakat yang lain.

Ciri-ciri untuk menjadi usahawan asnaf adalah sama dengan ciri-ciri seorang usahawan. Namun, terdapat sedikit penambahan bagi ciri-ciri usahawan asnaf ini. Antaranya:

a) Ingin Berdikari

Asnaf yang ingin menjadi usahawan ialah mereka yang ingin berdikari tanpa mengharapkan bantuan orang lain pada masa hadapan.

b) Tidak mudah berputus asa

Setiap asnaf perlu yakin terhadap kebolehan diri sendiri bagi mengubah kehidupan mereka. Oleh itu, usahawan asnaf tersebut perlulah gigih berusaha dan tidak mudah berputus asa dengan cabaran hidup yang pernah dilalui.

c) Ingin merubah diri dan kehidupan

Asnaf yang ingin maju dan tidak terus ketinggalan tidak dapat lari daripada kewajipan memperbaharui sikap, minda dan jiwa raga serta menanam semangat keusahawanan.<sup>36</sup>

d) Mempunyai azam yang tinggi

Asnaf yang menjadi usahawan adalah mereka yang benar-benar bertekad untuk mengubah kehidupan lama dan keluar dari kepompong kemiskinan.

---

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> Muhammad Ali Haji Hashim (2003), *Bisnes Satu Cabang Jihad*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 55.

## **Model Pembangunan Usahawan Asnaf**

Terdapat 5 fasa yang perlu dilalui oleh seseorang asnaf sebelum layak bergelar usahawan. Ini bertujuan untuk memastikan golongan ini benar-benar layak, mampu dan berpotensi. Lima fasa tersebut ialah:<sup>37</sup>

a) Pendedahan

Fasa ini memberi pendedahan kepada golongan asnaf mengenai aktiviti, peluang keusahawanan yang terbuka luas dan juga motivasi keusahawanan. Mereka juga perlu diberi pendedahan bahawa keusahawanan juga bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur sosial-ekonomi.

b) Pendidikan

Pendekatan keilmuan dan pendidikan merupakan mekanisme yang paling berkesan bagi menerapkan budaya keusahawanan. Pendidikan juga meliputi kemahiran, pengetahuan dan sikap untuk membolehkan seseorang individu merancang masa depan dan kemahiran menyelesaikan masalah.

c) Pelaksanaan

Golongan yang mampu menjadi usahawan akan diberikan bantuan modal yang merupakan mekanisme penting dalam merancang dan menjana ekonomi asnaf ke arah menjadi usahawan dan seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan.

d) Pemasaran

Ia merupakan fasa yang penting bagi memastikan usaha usahawan tidak terhenti di pertengahan. Kebanyakan golongan ini mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi setanding dengan produk lain.

e) Pemantauan

Fasa ini sangat ditekankan bagi memastikan usaha melahirkan lebih ramai usahawan serta mengeluarkan golongan asnaf daripada kepompong kemiskinan menjadi kenyataan.

---

<sup>37</sup> Isma Addi Jumri (2007), *op.cit.*

## **PERKEMBANGAN USAHAWAN ASNAF DI MALAYSIA**

Usahawan asnaf merupakan suatu konsep yang baru diteroka di Malaysia. Oleh yang demikian kita dapat lihat, tidak semua pihak berkuasa agama negeri yang mempunyai badan khusus mentadbir urusan zakat. Penubuhan pusat-pusat pungutan zakat telah membantu pengurusan berkaitan zakat dan asnaf dengan lebih berkesan termasuklah dalam aspek mewujudkan dan membangunkan usahawan asnaf. Aktiviti membangunkan asnaf untuk menjadi usahawan dijalankan secara giat hanya di beberapa negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri sembilan dan Pulau Pinang.

Secara umumnya, bantuan yang diberikan oleh institusi zakat kepada para asnaf untuk membangunkan perniagaan telah pun bermula sejak tahun 1990 an lagi. Di Wilayah Persekutuan contohnya, agihan wang zakat untuk skim bantuan perniagaan pada tahun 1994 telah diperuntukkan sebanyak RM 0.4 juta. Ini menunjukkan agihan tersebut telah bermula lebih awal. Namun, golongan yang menerima bantuan tersebut hanya diberi bantuan dalam bentuk material sahaja tetapi tidak dibimbing dan dibentuk untuk menjadi usahawan.<sup>38</sup>

Manakala, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZ) juga menjalankan aktiviti berbentuk perniagaan kepada asnaf sejak tahun 2002.<sup>39</sup> Walau bagaimanapun, asnaf-asnaf ini hanya dibantu melalui pendedahan dan pengetahuan tentang aktiviti kemahiran. Mereka belum lagi diasuh untuk menjadi usahawan. Bagi tahun 2007, PUZ berjaya mendapat kutipan sebanyak RM37 juta yang sebahagiannya diagihkan untuk bantuan niaga asnaf zakat.

Begitu juga di negeri-negeri lain di Malaysia turut mempunyai peruntukan kepada para asnaf untuk bantuan menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun, peruntukan yang disediakan hanya dalam bentuk bantuan perniagaan sahaja, bukan melibatkan usaha membentuk atau melatih asnaf menjadi usahawan. Peruntukan yang diberikan adalah untuk membantu para asnaf memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup disamping dapat membangunkan perniagaan yang sedia ada.

Usahawan asnaf secara khususnya muncul pada tahun 2003 yang dibangunkan oleh Pusat Zakat Selangor (PZS).<sup>40</sup> PZS yang telah ditukar

---

<sup>38</sup> Abu Sufian Abu Bakar (2002), "Baitulmal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur: Program Agihan Zakat Dalam Bentuk Perniagaan", Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, UKM Bangi, pada 21-22hb Disember 2002.

<sup>39</sup> Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (2008), <http://www.i-zakatdpuz.com.my>, 15 Mac 2008.

<sup>40</sup> Aktar Sahari (2007), "Program Keusahawanan Cerahkan Masa Depan Asnaf", *Majalah Asnaf* 1/2007, Lembaga Zakat Selangor, h. 6.

menjadi Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada tahun 2006 bukan sahaja memberi bantuan untuk perusahaan perniagaan tetapi juga melibatkan penyediaan latihan dan pendedahan tentang perniagaan kepada asnaf untuk menjadi usahawan. Bantuan yang diberikan kepada asnaf adalah sebagai modal permulaan perniagaan dan seterusnya akan terus dibimbing dan dipantau oleh pihak LZS sehingga menjadi seorang usahawan. Beberapa program khusus untuk melatih asnaf menjadi usahawan telah dijalankan oleh pihak LZS mengikut peringkat-peringkat tertentu dalam usaha membantu menambahkan ilmu pengetahuan asnaf tentang dunia perniagaan.

Program ini berkembang luas apabila terdapat institusi-institusi lain turut mengambil inisiatif yang sama untuk membentuk usahawan di kalangan asnaf. Antaranya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang merupakan salah satu institusi yang memainkan peranan yang aktif dalam melahirkan usahawan dikalangan asnaf disekitar Kuala Lumpur. Sehingga kini telah ramai usahawan yang lahir hasil daripada program tersebut yang dahulunya merupakan asnaf yang hanya menerima bantuan zakat.

Dalam membiayai dan melatih asnaf dalam bidang perniagaan, beberapa buah negeri telah mengambil langkah yang positif dengan memperkenalkan program khusus bagi asnaf yang mempunyai potensi berniaga. Ini termasuklah Negeri Sembilan dan beberapa buah negeri lain. Bantuan yang diberikan biasanya dalam bentuk khidmat nasihat dan pembiayaan kecil sekitar RM10,000.00. Meskipun pembiayaan ini agak kecil, namun dengan berkat kesungguhan dan pemantauan yang baik, sebahagian peserta berjaya keluar daripada kelompok kemiskinan.

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) juga komited dalam melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat dalam menguruskan dana zakat. Bagi tahun 2007, sebanyak RM31.1 juta telah disalurkan kepada golongan asnaf di Negeri Sembilan. Keseluruhan dana tersebut telah diagihkan kepada golongan asnaf bagi memenuhi keperluan serta maslahat ummah dan dapat meringankan beban yang ditanggung dari golongan yang memerlukan. Namun demikian, daripada agihan tersebut sebahagiannya disalurkan kepada asnaf untuk tujuan perniagaan. Agihan yang diberikan adalah sebagai modal permulaan untuk asnaf menjalankan perniagaan.

Pada masa ini maklumat khusus yang menjelaskan jumlah yang diagihkan bagi tujuan pembangunan usahawan asnaf masih sukar diperolehi. Ini mungkin disebabkan terdapat beberapa aspek dalam pembangunan usahawan asnaf yang merentasi beberapa kategori asnaf. Pembangunan keusahawanan yang merangkumi pelbagai aspek seperti penyelidikan dan pembangunan, latihan, bantuan dana, pemantauan dan sebagainya memerlukan perancangan dan pengurusan yang mantap.

## **KESIMPULAN**

Zakat adalah instrumen yang dikhususkan untuk membantu asnaf yang diiktiraf oleh syarak. Ia amat penting dalam membantu ekonomi golongan asnaf tersebut dalam menjalani kehidupan. Namun begitu, satu anjakan paradigma boleh dicerna apabila peluang dan ruang dibuka kepada golongan berkenaan menceburi bidang keusahawanan.

Institusi yang dilihat sangat bersesuaian dalam menguruskan hal ini adalah institusi zakat yang sedia ada kerana peranannya adalah sebagai pusat pengurusan dan pengagihan wang zakat kepada para asnaf. Langkah-langkah yang telah diambil oleh beberapa institusi zakat dan institusi agama yang lain dilihat sebagai langkah awal yang berupaya dimajukan lagi. Walaubagaimanapun, institusi-institusi zakat pada umumnya dipelopori oleh kalangan berlatarbelakang pengajian agama yang mempunyai kepakaran yang terhad dalam aspek pengurusan dana dan perniagaan. Oleh yang demikian, institusi-institusi zakat perlu mengambil khidmat nasihat dari pihak-pihak yang mempunyai kepakaran secara langsung dengan pembangunan keusahawanan. Penglibatan mereka yang pakar dalam aspek pembangunan usahawan akan dapat membantu kelancaran usaha yang dijalankan di samping mengelakkan dari pembaziran dana zakat.

## **RUJUKAN**

- ‘Abd Rahman al-Jazīrī (t.t.), *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, j.1. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubra.
- ‘Abdullah (2001), *Panduan Menyempurnakan Zakat*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Ab. Aziz Yusof (2000), *Usahawan Dan Keusahawanan*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Abu Sufian Abu Bakar (2002), “Baitulmal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur: Program Agihan Zakat Dalam Bentuk Perniagaan”, Kertas Kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, UKM Bangi, 21-22 Disember 2002.
- Aktar Sahari (2007), “Program Keusahawanan Cerahkan Masa Depan Asnaf”, *Majalah Asnaf* 1/2007, Lembaga Zakat Selangor.
- Al-Ghazālī (1967), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, j.1, Kaherah: Muassasah al-Jalī.



- Hisham b. Sabri & Zulkifli b. Hasan (2006), “Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan”, dalam Zamzuri Zakaria, Siti Zalikah Md Nor, Mat Noor Mat Zain, Mohd Zamri Muda, Md. Yazid Ahmad & Mohammad Zaini Yahya (ed.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, Kuantan, 8-9 Ogos 2006 Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Ho, Kealy (1985), *Starting Your Own Business*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Isma Addi Jumri (2007), “Usahawan Asnaf Basmi Miskin Tegar”, dalam *Utusan Malaysia On-Line*, <http://www.utusan.com.my/utusan/info>, 22 Mei 2007.
- Kuratko & Hodgetts (2007), *Entrepreneurship*. USA: Thomson Higher Education.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ali Haji Hashim (2003), *Bisnes Satu Cabang Jihad*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muslim b. Ḥajjāj al-Naysabūrī (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Man Taḥillu Lahū al-Mas’alah.
- Mustafa Said al-Khinn (1996), *al-Fiqh al-Manhaji ‘alā Madhhab al-Imām al-Shafi’i*. Damsyik: Dār al-‘Ulum al-Insāniyah.
- Noresah Baharum et.al. (ed), (2007), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (2008), <http://www.i-zakatpuz.com.my>, 15 Mac 2008.
- Rohani Mohd Shahir (2005), “Budaya Kepimpinan di Kalangan Usahawan Wanita di Malaysia”, Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Keusahawanan Islam, Kuala Lumpur, 6 September 2005
- Schumpeter, J (1951), “Change and Entrepreneur”, dalam Richard V. Clemence (Ed), *Essays of J.A. Schumpeter*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Wahbah al-Zuḥaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, j.2, Cet.3, Damsyik: Dār al-Fikr.
- Wahbah al-Zuḥaylī (2004), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, j.2, Cet.4, Damsyik: Dār al-Fikr.

Yūsuf al-Qaraḏāwī (1977), *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah Li Aḥkāmīha wa Falsafatiha Fī Ḍāw' al-Qur`an wa al-Sunnah*, j.2, cet. 3, Beirut: Muassasah al-Risālah.

Zaharuddin Yahya (1995), *Memilih Perniagaan*. Kota Bharu: Al-Kafilah Enterprise.